

NO. SOALAN: 173

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
[MAS GADING]**

RUJUKAN : 7270

SOALAN:

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini rampasan dan tangkapan yang dibuat sepanjang perlaksanaan Ops Dadu serta butiran pecahannya mengikut negeri.

JAWAPAN:

Pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjelaskan imej negara.

Secara statistiknya, daripada operasi yang dilaksanakan untuk tempoh dua tahun sahaja iaitu pada 2013 dan 2014 (berakhir Ogos), pihak polis telah berjaya merampas sejumlah 197,477 unit komputer yang dianggarkan berjumlah RM197,477,000 atas anggaran RM1,000 setiap komputer yang dirampas. Di samping itu dalam tempoh yang sama, seramai 2,500 orang telah didakwa di bawah Seksyen 4B Akta Rumah Judi Terbuka dan 1,753 orang didakwa di bawah Seksyen 5(2), Enakmen Hiburan.

Statistik rampasan komputer perjudian bagi tahun 2008 sehingga 2014 (Ogos) dan jumlah serbuan dan tangkapan bagi tahun 2014 seperti berikut;

Jumlah Rampasan Komputer

KONTINJEN	JUMLAH RAMPASAN MESIN KOMPUTER						
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
K/LUMPUR	5127	9379	14411	15048	12293	9016	17172
SELANGOR	19059	25008	28823	20565	29924	28788	46097
JOHOR	8541	4567	7203	25487	37488	9081	2819
P/PINANG	1352	5257	3410	9496	7997	5940	6174
PERAK	1700	2401	4871	11900	11516	5684	5326
SABAH	954	1057	1393	2145	3171	3686	2567
PERLIS	0	1	0	0	0	6	0
KEDAH	1206	2062	2088	5281	8753	10637	4886
N/SEMBILAN	16	690	2088	5955	7871	3325	3002
MELAKA	2	0	32	487	2592	1466	2907
PAHANG	396	880	804	2620	10639	8838	12638
TERENGGANU	0	1	0	0	7	0	0
KELANTAN	0	0	24	0	89	0	28
SARAWAK	19	13	41	273	2477	3647	3747
JUMLAH	38372	51316	65188	99257	134817	90114	107363

Jumlah Serbuan Dan Tangkapan

KONTINJEN	JUMLAH SERBUAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	JUMLAH IP	JUMLAH DITUDUH
	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014
K. LUMPUR	8614	939	2131	874	252
SELANGOR	17906	3364	3972	3364	1381
JOHOR	5363	1605	3231	1621	746
P.PINANG	4824	872	1320	872	793
SABAH	2728	387	770	528	118
PERAK	4302	767	1102	767	256
SARAWAK	2636	370	1316	909	249
PAHANG	2531	783	3872	783	303
KEDAH	3003	1147	2154	1147	858
N/SEMBILAN	3260	338	605	338	144
MELAKA	315	230	541	204	59
PERLIS	115	73	112	73	69
T/GANU	48	48	120	48	10
KELANTAN	499	70	190	70	16
JUMLAH	56144	10993	21436	11598	5254

Usaha dan tindakan yang diambil oleh Polis melalui operasi (Op Dadu) yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku, namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak Polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.

SOALAN (174)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
[MAS GADING]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN NOGEH ANAK GUMBEK [MAS GADING] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan kempen kitar semula di seluruh negara dan apakah perancangan pihak Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk mengitar semula.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari betapa pentingnya amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*) untuk diterap dan diamalkan oleh rakyat Malaysia sebagai budaya hidup seharian. Selaras dengan sasaran mencapai 22% kadar kitar semula pada tahun 2020, Kerajaan akan mula melaksanakan '***pengasingan di punca***' secara mandatori mulai September 2015 bagi semua isi rumah di Negeri-Negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]. Sebagai persediaan untuk melaksanakan sistem tersebut, selain daripada hebahan mengenai konsep pengasingan di punca, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mempergiatkan menjalankan kempen kesedaran dan program pendidikan mengenai kitar semula dengan kerjasama pihak termasuk swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Kementerian ini juga komited dalam memastikan kadar kitar semula akan meningkat setiap

tahun dengan menjadikan peningkatan kadar kitar sebanyak 2% setiap tahun sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) bagi Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini juga menjalin kerjasama yang erat dengan pihak swasta serta NGO dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula.

Melalui program-program dan aktiviti-aktiviti kitar semula yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan setakat ini telah berjaya mencapai *outcome* seperti berikut:-

- (i) Peningkatkan kadar kitar semula dari 5% pada tahun 2005 kepada 10.5% pada tahun 2012;
- (ii) Melalui program-program kitar semula yang telah dijalankan oleh Kerajaan bermula dari tahun 2010, sebanyak 2.4 jutakg barang kitar semula yang bernilai RM719 ribu telah berjaya dikutip.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kempen-kempen dan program-program kitar semula ini akan diteruskan dan dipergiatkan bagi mencapai sasaran kadar kitar semula sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Antara program-program yang telah dirancang untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan Hari Kitar Semula Kebangsaan setiap tahun;
- (ii) meneruskan program-program 3R di negeri-negeri seperti berikut:
 - Penubuhan Bank Kitar Semula (Tadika dan Sekolah);
 - Projek pengasingan sisa di sumber (Taman Perumahan/ Komuniti/ Kompleks Kerajaan / Badan Berkanun)
 - Aktiviti pengkomposan
 - Program Kitar Semula melalui Drive-Thru di pasaraya
 - Ceramah dan pameran
- (iii) menggalakkan penubuhan Kelab Kitar Semula di sekolah rendah dan menengah dengan menggunakan pakai Modul Kelab Kitar Semula yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Jumlah keseluruhan penubuhan Kelab Kitar Semula sehingga Ogos 2014 ialah sebanyak 1,212 kelab;

- (iv) bekerjasama dengan KPM dengan memasukkan sukanan pelajaran mengenai kitar semula di peringkat pra sekolah, rendah dan menengah;
- (v) mewujud dan menambahkan program bank kitar semula di sekolah, tadika, komuniti, pejabat kerajaan dan pasar raya;
- (vi) memperbanyakkan kempen kesedaran awam mengenai kitar semula dan mengadakan program yang melibatkan penyertaan masyarakat dan komuniti;
- (vii) menandatangani MoU dengan pihak perhotelan dengan kempen “*Value Food, No Waste*” untuk program pengurangan sisa makanan. Antara hotel yang terlibat adalah Hotel Putra Palace, Perlis dan Hotel Holiday Villa, Kedah; dan

(viii) perancangan untuk melaksanakan program berimpak tinggi seperti Bazaar 3R dan Program Didik Go-Green (membangunkan sistem ganjaran dalam membudayakan amalan kitar semula)

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
DARIPADA [KOTA SAMARAHAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek pembinaan Hospital UNIMAS di Kota Samarahan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 24 September 2014 telah memutuskan agar kemudahan Hospital Petrajaya dapat diguna sama dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Projek Hospital Petrajaya di bawah seliaan pihak Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kesihatan Malaysia kini dalam pembinaan. Pada masa yang sama, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM80 juta bagi Blok Akademik, Fakulti Perubatan UNIMAS di bawah *Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)*.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti tapak yang sesuai bersebelahan tapak Hospital Petrajaya tersebut dan sedang dalam proses membuat perolehan tanah.